

Tu. Lutfi

Ucapan Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri,  
Datuk Hussein Onn, dalam upacara  
Pembukaan Resmi Sekolah Menengah  
Tun Ismail di Perit Neje, Batu Pahat  
pada hari Ahad 18hb Februari 1973

Jam 10.00 pagi.

Tuan Pengerusi Majlis,  
Yang Berbahagia Guru Besar dan Guru-Guru  
Sekolah Menengah, Tun Ismail,  
Yang Berbahagia Pengerusi Lembaga Jumaat  
Pengelola Sekolah,  
Yang Berbahagia Pengeran Pelajaran Negeri  
Johor,  
Yang Berbahagia Wakil Kerajaan Negeri,  
Tuan Pegawai Daerah,  
Tuan-Tuan dan Puan-puan sekalian.

Hari ini sesungguhnya merupakan hari  
yang bersejarah kepada sekolah ini, kepada  
guru-guru dan murid-murid kerana seapena  
perayaan ulangtahun yang kesepuluh upacara  
meresmikan bangunan sekolah ini telah dapat  
juga diadakan hari ini. Saya amat bangga dan  
bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala  
kerana dapat bertemu-mika dengan penduduk-  
penduduk disini serta meresmikan upacara  
pelembagaan ini.

2. Saya sukalah mengucapkan terimakasih kepada guru besar dan ahli-ahli jawatankuasa yang telah memberikan penghormatan ini kepada saya. Saya bersetuju menerima jemputan merasmikan Sekolah ini selepas diberitahu bahawa Yang Berbahagia Tun Puan Merashikin, baru Allahyarham Tun Dr. Ismail tidak dapat menyempurnakan upacara ini. Oleh kerana saya adalah juga menjadi wakil rakyat kawasan ini, pada hajat saya upacara ini memberi peluang yang baik kepada saya menemu penduduk-penduduk disini dan bertemu ramah dengan mereka disamping dapat menyampaikan serba sedikit pesanan mengenai perkembangan negara dari segi ekonomi, sosial dan politik.

Nama Sekolah ini sangatlah sesuai kerana Tun Dr. Ismail merupakan salah seorang pegerawan dan Pentiapin Negara kita yang dikasihni dan banyak berjasa. Desikian juga, tidak berapa jauh dari sini adalah tempat Datuknya membangun Kampong dan dititulah keluarganya mula berjejak sehingga ia mencapai satu peringkat keistimewaan dalam riwayat hidupnya.

Saudara-saudara sekalian,

3. Pada hari ini, kita dapat menyaksikan satu detik perkembangan dan kemajuan pelajaran di negara kita, yang belum pernah kita rasakan dimasa-masa yang lalu. Sekolah Tun Dr. Ismail ini merupakan salah sebuah dari beratus-ratus Sekolah Menengah yang didirikan semenjak negara merdeka, dibawah rancangan

Pembangunan kita. Sekolah ini juga adalah diantara beberapa kemudahan pelajaran yang dibawa keluar bandar untuk memberikan peluang yang selia dengan kemudahan bandar. Saudara-saudara tentu masih ingat, sebelum Tanah Melayu ini berdeka, bilangan Sekolah Menengah adalah terhad dan dihadkan kepada Sekolah Bahasa Penghantar Inggeris sahaja. Alhamdulillah, dibawah dasar Pelajaran Kebangsaan, kita telah dapat membina Sekolah Menengah aliran Melayu, sejajar dengan kehendak dan aspirasi sebahagian besar rakyat negara ini. Bukan itu sahaja, bahkan Universiti Kebangsaan yang mempunyai Bahasa Penghantar Bahasa Malaysia dan Institut Pelajaran lain, telah juga didirikan dan sudahpun mula mengeluarkan siswanya. Tidak syak lagi, inilah bukti dari keazaman dan kecakapan

Kerajaan pada mentadbirkan negara dan pada  
 semuaht kehendak-kehendak yang kian  
 memuncak, dari rakyat sekalian

4. Saya amat berbangga dengan kemajuan  
 Sekolah ini, seperti yang diterangkan tadi,  
 yang mempunyai bilangan murid yang ramai dan  
 telahpun mengeluarkan pelajar-pelajar yang  
 berbakat serta berpeluang mendapatkan  
 pelajaran lebih tinggi. Saya penuh yakin  
 dibawah tadbir Guru Besar dan kelolaan  
 Lembaga Pengelola, Sekolah ini akan dapat  
 mencapai kemajuan yang lebih pesat di masa  
 akan datang. Insya-Allah, Guru-Guru dan murid-  
 murid hendaklah memainkan peranan masing-  
 masing dalam perkara ini.

5. Demikian juga, pada keseluruhannya, saya amat bangga dengan Daerah Batu Pahat ini, kerana bukan sahaja terdapat Sekolah Menengah yang dikendalikan oleh Kerajaan atau mendapat bantuan Kerajaan, tetapi juga Sekolah swasta yang didirikan oleh penduduk tempatan bagi membantu pelajar-pelajar tercicir ataupun yang tidak mendapat kelulusan yang baik bagi melanjutkan pelajaran mereka. Ini jelaslah membuktikan bahawa kesedaran rakyat, khasnya ibu bapa di daerah ini, pada memberikan pelajaran kepada anak-anak mereka sangatlah tinggi. Ini juga membuktikan bagaimana tingginya nilai pelajaran diletakkan oleh ibu bapa diatas perkara yang lain. Saya harap dengan kesedaran ini dapatlah disejajarkan dengan keinginan kita untuk mengeluarkan anak-anak yang penuh disiplin,

anak-anak yang mempunyai daya pemikiran kuat dan juga mempunyai tujuan hidup yang motivated serta sanggup berbakti kepada negara dan masyarakat.

Saudara-saudara sekalian,

6. Kerejaan sadar bahawa dengan meninggikan taraf pelajaran dan melaksanakan perubahan, sudah tentu akan memperbanyakkan bilangan orang-orang terpelajar. Akan tibalah masanya negara kita ini mempunyai anak-anak yang semuanya mempunyai pelajaran dan tidak seorangpun buta huruf atau tidak mempunyai pendidikan asas. Tetapi masyarakat terpelajar sahaja, tanpa mempunyai rasa tanggungjawab, tanpa disiplin, tanpa tujuan hidup, tidaklah diingini. Kita mahu mencipta satu jenerasi masyarakat yang boleh mewarisi pimpinan negara di masa depan

tanpa merosakkan asas perpaduan rakyat  
 berbilang bangsa, tanpa menjejaskan  
 kesetabilan ekonomi, tanpa mencetuskan  
 rasa permusuhan antara kaum dan dengan  
 tidak mengubah sistem demokrasi berparlimen.  
 Oleh itu, mulai dari sekarang juga, patutlah  
 kita bertindak bahawa tanggungjawab ibu bapa,  
 bukan sahaja setakat menyekolahkan dan memberi  
 pelajaran anak-anak, tetapi memberikan juga  
 arahan dan penyeliaan supaya mereka  
 berdisiplin dan mempunyai matlamat hidup,  
 sesuai dengan kehendak dan keperluan  
 negara kita.

7. Saya tahu, kebanyakan masyarakat dan ibu bapa hanya memikirkan tanggungjawab mereka semata-mata memberikan pelajaran kepada anak-anak. Sikap ini memanglah dihargai dan dipandang mulia. Bahkan saya tahu, ada diantara ibu bapa, sanggup menanggung penderitaan, sanggup membanting tulang, sanggup mengeluarkan perbelanjaan dan bersusah payah untuk menyara anak-anak itu bersekolah. Tetapi, dalam konteks sekarang, dimana kita melihat gejala-gejala anak-anak ini terpengaruh dengan dadah, terpengaruh dengan kumpulan jahat, terpengaruh dengan kumpulan memprotes dan membenci kerajaan, maka saya rasa, bebanan ibu bapa janganlah terhad kepada memberi pelajaran dan makan minum sahaja, tetapi juga menjaga anak-anak sebaik-baiknya.

Saudara-saudara sekalian,

8. Saya sadar ramai ibu bapa yang tidak mampu berbuat demikian, kerana sikap setengah anak-anak yang liar dan tidak dapat dikawal. Disinilah letaknya tanggungjawab masyarakat secara kolektif, pemimpin-pemimpin parti politik, kaum ibu, pemimpin masyarakat, orang-orang individu yang ada rasa tanggungjawab supaya dapat memberi bimbingan, nasihat dan teguran. Selain hal ini juga, kaum guru adalah mempunyai tanggungjawab yang sama beratnya dengan ibu bapa. Guru-guru janganlah menghadkan kewajiban mereka setakat menyampaikan pelajaran kepada anak-anak tanpa memberikan keedaran dan mendisiplinkan mereka kearah jalan yang baik.

Kaum guru disifatkan menjadi acuan dalam perkembangan fikiran dan peradaban anak-anak disekolah. Setiap perbuatan dan tuturkata guru boleh menjadi tauladan dan sempadan. Kepada tujuan inilah, kepada hasrat memajukan masyarakat yang bersopan dan berhemah, inilah, guru dapat memberikan tunjuk ajar dan contoh yang sesuai.

9. Seperti ini lagi, yang patut dipastikan oleh ibu bapa maupun pemimpin masyarakat ialah supaya benar-benar memahami akan kehendak-kehendak anak-anak kita dan memberi panduan serta penjelasan supaya mereka itu faham dan dapat diarahkan ke arah yang benar. Baru-baru ini, seperti yang saudara-saudara sekalian maklum, telah timbul apa yang dikatakan angkatan pelajar insaf dan sebagainya menunjukkan perhatian bukan terhadap pelajaran tetapi terhadap kelemahan kerajaan dan apa yang dikatakan penderitaan rakyat. Kita faham bagaimana letaknya darah muda ini naik panas, sekiranya ia dibakar dengan semangat yang berapi-rapi. Kerajaan juga menyedari bagaimana perasaan ini boleh dinaikkan, semesta-mata dengan

menitipkan sentimen membuat tuduhan-tuduhan melulu. Tetapi kita tidak faham mengapa sebahagian pelajar-pelajar itu kritis tetapi tidak 'creative'; mengapa mereka mudah terpengaruh dengan hasutan dan fitnah serta tidak memberi pertimbangan yang sewajarnya dalam beberapa perkara.

Pelajar-pelajar di Pusat Pengajian Tinggi, khasnya pelajar bumiputra, adalah diantara golongan terbesar yang mendapat bantuan Kerajaan. Belum pernah berlaku dalam sejarah negara yang Kerajaan serta beberapa institusi lain, memberikan perhatian berat, memberi bantuan yang begitu banyak kepada pelajar-pelajar kita. Pelajar-pelajar di Universiti, kebanyakannya diberi bantuan biasiswa ataupun pinjaman wang. Mereka itu sangat bertuan. Dengan kerana itu, kita

boleh menyaksikan di Universiti-Universiti masyarakat pelajar begitu mudah, pelajar mendapat kemudahan hidup yang setanding atau lebih baik dari pelajar di negara lain. Bilangan pelajar di Malaysia yang mempunyai kemudahan seperti skuter, motor, dan sebagainya adalah diantara yang tertinggi sekali.

Saudara-saudara sekalian,

10. Dari pengalaman kita di masa lepas, ibu bapa, pemimpin masyarakat dan setiap warganegara hendaklah membantu Kerajaan pada mencari punca dan mengatasi masalah yang dihangkitkan oleh pelajar ini, dengan harapan, supaya mereka dapat menumpukan pelajaran, menghapuskan perkara yang merugikan mereka sendiri, merugikan negara dan memperkecilkan taraf pelajar-pelajar di mata orang ramai.

Sungguhpun kegelisahan yang dicetuskan oleh pelajar-pelajar telah reda, tetapi ada tanda-tanda bahawa pelajar, dalam masa percutian universiti ini akan mempergiatkan aktiviti mereka di kampung-kampung.

Kontongan mereka sudah mula pergi. Persiapan-persiapan mereka telahpun dikesan. Tujuan mereka ialah untuk menguatkan sokongan politik mereka di kampung-kampung, berassaskan apa yang disebut 'kelemahan' kerajaan. Pelajar-pelajar telah gagal dan silap perhitungan pada menegakkan asas kekuatan mereka di bandar. Tugas kita, saudara-saudara sekalian ialah untuk menepikan sansa sekali asas dan keluasan pelajar-pelajar itu di kampung-kampung atau di mana-mana juga. Semua cawangan parti-parti dalam Barisan Nasional, khasnya UMNO, telah diberi arahan

upaya mengawasi dan menumpaskan sebarang ikhtiar pelajar menagakkan kekuatan mereka mempengaruhi rakyat. Kerajaan ingin memberi amaran bahawa sebarang usaha menghasut rakyat membenci kerajaan akan ditentang dengan apa jua kekuatan yang ada pada kita.

Saudara-saudara ankelian,

11. Kerajaan telahpun membentuk satu Jawatankuasa Kabinet bagi mengkaji semula pelaksanaan Dasar Pelajaran, dalam konteks perkembangan baru. Jawatankuasa ini, kita percaya, akan dapat mengemukakan syor-syor yang boleh melicinkan sistem pelajaran kita, sesuai dengan kehendak rakyat dan kemampuan negara. Disamping itu, Kerajaan juga telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kabinet mengenai pelajar yang saya sendiri pengurusinya,

untuk menentukan langkah-langkah yang patut diambil pada mengatasi masalah pelajar baik pada jangka pendek dan juga jangka panjang. Proses ini tentulah mengambil masa tetapi saya yakin Kerajaan dengan sokongan semua pihak akan dapat mengatasi masalah-masalah yang dihadapinya dengan bijaksana dan cekap.

12. Mengenai aktiviti pelajar, kita tidak dapat terlepas dari tekanan dan pengaruh beberapa pihak. Beberapa faktor timbul bukan sahaja oleh pengaruh didalam negeri bahkan terdapat juga elemen psikiran luar. Ditengah-tengah dunia pelajar terdapat anasir anti nasional serta komunis bergerak mempengaruhi pelajar dengan senitup sangat membenci Kerajaan. Inilah perkara yang diselidiki dan membuktikan sifat anasir-anasir

yang melampirkan batu tetapi menyembunyikan tangan itu. Semuanya ini berlaku sebagai ujian Tuhan kepada kita. Dan secara kebetulan, semuanya ini berlaku ditengah-tengah saat Parti dan Kerajaan mendapat mandat yang besar dari rakyat untuk membawa pembangunan dan perubahan. Semuanya ini berlaku ditengah-tengah keinginan kita untuk berdikari disegi ekonomi dan politik, untuk bebas dari tekanan dan pengaruh kuasa-kuasa besar, diketika kita bangun untuk mengukir sejarah menjadikan Asia Tenggara ini satu zone aman, bebas dan berkecuali. Sekalipun demikian, dengan izin Tuhan, berkat perpaduan kita semua, insya Allah kita akan dapat melalui segala ujian ini dan mencapai tujuan kita membawa keadilan dan kebahagiaan untuk rakyat.

Saudara-saudara sekalian,

13. Beralih kepada perkara lain yang hampir dengan kita, saya inggillah mengambil kesempatan ini membawa perhatian hadirin sekalian kepada Rancangan Buku Nijau. Sebenarnya, daerah ini adalah kawasan yang sudah sedia memperaktikkan Buku Nijau dengan mengeluarkan hasil tanaman yang banyak. Namun demikian, boleh jadi ada lagi peluang-peluang yang patut kita ambil untuk menjayakan rancangan ini supaya kita benar-benar dapat manfaat dari usaha kita dan kejayaan kita.

14. Sebelum menutup ucapan ini, saya sukalah menyentun akan perkara mengadakan sebuah dewan di Sekolah ini seperti yang dibisikkan kepada saya. Perjumpaan kita hari ini, disebabkan oleh rasainya jemputan yang hadir terpaksa diadakan di padang oleh sebab ketiadaan Dewan yang besar. Saya penuh berstepati dengan kehendak ini, semandng bahawa bilangan murid sekolah makin bertambah setiap tahun. Adalah menjadi dasar kerajaan, semenjak dari dulu lagi, tidak memberikan keutamaan yang tinggi terhadap perkara dewan ini sungguhpun kita sedar bahawa ia juga mustahak. Adalah lebih bermanfaat kalau peruntukan bagi Dewan itu, digunakan membina bilik darjah atau membeli peralatan yang lain.

Pada jangka panjangnya ini adalah lebih  
berfaedah. Sungguhpun demikian, saya percaya  
perkara ini boleh dirundingkan dengan Kementerian  
Pelajaran.


Saudara-saudara sekalian,

15. Akhir kata saya ingginalah mengucapkan  
terima kasih bagi pihak Kerajaan atas kerjasama  
tuan-tuan sekalian pada menjayakan perjuangan  
ini. Saya berikrar untuk sentiasa berkhidmat  
kepada rakyat cidaerah ini khasnya dan seluruh  
negara amnya, sesuai dengan kemampuan dan  
tenaga saya.

16. Sebagai menghargai penat lelah dan  
kerjasama guru-guru, murid-murid dan ibu bapa  
sekolah pada menjayakan majlis ini dan setelah  
berunding dengan Pengerah Pelajaran Negeri Johor,  
saya sukacitalah mengisytiharkan hari esok,  
Isnin, 17hb Februari sebagai hari kelepasan  
an sekolah.

17. Dengan harapan dan ingatan yang saya berikan tadi, saya dengan sukacitanya meresmikan Bangunan Sekolah Tun Lemali ini dan selamat merayakan Ulangtahun yang ke Sepuluh.

Terima kasih.





No. Siri .....	632
No. Penerimaan .....	25/84